



Bank Pilihan Anda

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN KHAS RIZQ PLUS ANGGOTA BANK RAKYAT

A. Definisi

Bagi maksud Terma dan Syarat ini, setiap perkataan tersebut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya: -

- a) 'Kempen' bermaksud Kempen Khas Rizq Plus Anggota Bank Rakyat yang merangkumi inisiatif Rizq Plus Cashback Rewards dan Anggota Saham Dapat Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- b) 'Perujuk' bermaksud anggota saham individu Bank Rakyat yang mempunyai Akaun Pelaburan-i Rizq Plus sama ada akaun baharu atau sedia ada dan menyertai inisiatif Anggota Saham Dapat Pelanggan dengan memperkenalkan pelanggan baharu kepada Bank Rakyat untuk membuka produk yang terlibat dalam Kempen.
- c) 'Pelanggan Dirujuk' bermaksud pelanggan yang dirujuk oleh Perujuk untuk membuka Akaun Pelaburan-i Rizq Plus atau Akaun Pelaburan-i Lestari yang terlibat dalam Kempen.

B. Tempoh Kempen

1. Kempen ini bermula dari 10 September 2026 hingga 31 Disember 2026 termasuk kedua-dua tarikh tersebut.
2. Bank Rakyat berhak untuk meminda, melanjutkan, memendekkan, menangguhkan atau menamatkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa, tertakluk kepada budi bicara Bank Rakyat.

C. Produk yang Terlibat

1. Produk yang terlibat di bawah Kempen Khas Rizq Plus Anggota Bank Rakyat adalah seperti berikut:

Inisiatif Kempen	Produk yang Terlibat
Rizq Plus Cashback Rewards	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus
Anggota Saham Dapat Pelanggan	i. Akaun Pelaburan-i Rizq Plus ii. Akaun Pelaburan-i Lestari

D. Kelayakan

Rizq Plus Cashback Rewards

1. Kempen ini terbuka kepada anggota saham individu Bank Rakyat yang mempunyai Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, sama ada akaun baharu atau sedia ada.
2. Pelanggan hendaklah memenuhi semua kriteria kelayakan yang ditetapkan untuk menerima pulangan tunai di bawah inisiatif Rizq Plus Cashback Rewards.
3. Pelanggan hendaklah mengekalkan status aktif Akaun Pelaburan-i Rizq Plus pada masa pulangan tunai (cashback) dikreditkan.
4. Warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat tidak layak untuk menyertai inisiatif ini.

Anggota Saham Dapat Pelanggan

1. Kelayakan Perujuk
 - Perujuk hendaklah merupakan anggota saham individu Bank Rakyat yang mempunyai Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, sama ada akaun baharu atau sedia ada.
 - Warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat tidak layak untuk menyertai inisiatif kempen ini sebagai Perujuk termasuk individu berikut:
 - i. Pasangan warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat;
 - ii. Ibu bapa dan mentua warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat; dan
 - iii. Anak dan menantu warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat.
2. Kelayakan Pelanggan Dirujuk
 - Bagi pembukaan Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, Pelanggan Dirujuk terbuka kepada semua pelanggan individu yang memenuhi syarat pembukaan akaun yang ditetapkan oleh Bank Rakyat.
 - Bagi pembukaan Akaun Pelaburan-i Lestari, Pelanggan Dirujuk hendaklah terdiri daripada koperasi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang memenuhi kriteria kelayakan produk.
 - Warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat tidak layak menyertai inisiatif kempen ini sebagai Pelanggan Dirujuk.

E. Mekanisme Kempen

Rizq Plus Cashback Rewards

1. Pelanggan hendaklah mencapai pertumbuhan baki bulanan berdasarkan tier pulangan tunai yang ditetapkan bagi bulan penilaian.
2. Pelanggan **tidak dibenarkan membuat sebarang transaksi pengeluaran** daripada Akaun Pelaburan-i Rizq Plus sepanjang bulan penilaian untuk layak menerima pulangan tunai bagi bulan tersebut.
3. Kelayakan pulangan tunai akan ditentukan berdasarkan **pertumbuhan bersih baki penutup bulanan** berbanding **baki penutup bulanan** bulan sebelumnya.
4. Pelanggan yang layak berhak menerima pulangan tunai bagi setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen, tertakluk pada peruntukan yang diluluskan.
5. Struktur pulangan tunai adalah seperti berikut:

Pertumbuhan dalam Baki Bulanan	Pulangan Tunai
RM500 – RM1,000	RM10
RM1,000.01 – RM3,000	RM20
RM3,000.01 – RM5,000	RM40
RM5,000.01 – RM10,000	RM80
Melebihi RM10,000	RM150

6. Pulangan tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan-i Rizq Plus pelanggan pada bulan berikutnya, tertakluk kepada pengesahan kelayakan oleh Bank Rakyat.

Contoh pengiraan:

- Baki Penutup Bulan sebelumnya: RM5,000
 - Baki Penutup Bulan semasa: RM8,500
 - Pertumbuhan Baki Bulanan: RM3,500
 - Transaksi pengeluaran: Tiada
 - Pulangan Tunai: RM40
7. Jumlah keseluruhan peruntukan pulangan tunai bagi inisiatif Rizq Plus Cashback Rewards adalah terhad kepada **RM125,000** sahaja.
 8. Pulangan tunai akan diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat, dia dapat (first-come, first-served) dan akan dihentikan apabila peruntukan tersebut telah digunakan sepenuhnya atau apabila Tempoh Kempen tamat, yang mana terdahulu.

9. Bank Rakyat berhak menentukan kelayakan pelanggan berdasarkan rekod dan data yang terdapat dalam sistem Bank Rakyat. Keputusan Bank Rakyat berhubung kelayakan dan pengiraan pulangan tunai adalah muktamad.

Anggota Saham Dapat Pelanggan

1. Perujuk yang ingin menyertai inisiatif Anggota Saham Dapat Pelanggan hendaklah memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini.
2. Perujuk hendaklah:
 - i. Memperkenalkan Pelanggan Dirujuk untuk membuka produk yang terlibat dalam Kempen.
 - ii. Mengisi dan melengkapkan borang rujukan yang disediakan oleh cawangan Bank Rakyat atau memuat turun borang tersebut daripada laman sesawang Bank Rakyat untuk menyertai Kempen ini.
 - iii. Hadir ke cawangan Bank Rakyat bersama Pelanggan Dirujuk bagi tujuan pembukaan akaun, atau Pelanggan Dirujuk boleh hadir ke cawangan secara bersendirian dengan membawa borang rujukan yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Perujuk.
3. Sesuatu rujukan hanya dianggap berjaya apabila Pelanggan Dirujuk telah membuka akaun baharu bagi produk yang terlibat dalam Kempen dan memenuhi semua syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Bank Rakyat.

F. Ganjaran

Ganjaran Rizq Plus Cashback Rewards

1. Pelanggan yang layak akan menerima pulangan tunai berdasarkan struktur ganjaran yang dinyatakan di Bahagian E.5.
2. Pulangan tunai akan dikreditkan ke Akaun Pelaburan-i Rizq Plus pelanggan pada bulan berikutnya.

Ganjaran Anggota Saham Dapat Pelanggan

1. Bagi setiap rujukan yang berjaya menghasilkan pembukaan akaun baharu bagi produk yang terlibat, Perujuk yang layak akan menerima ganjaran seperti berikut:

Produk	Ganjaran Perujuk
Akaun Pelaburan-i Rizq Plus	RM50
Akaun Pelaburan-i Lestari	RM100

2. Ganjaran akan diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat, dia dapat (first-come, first-served) dan akan dihentikan apabila jumlah keseluruhan peruntukan insentif maksimum sebanyak **RM75,000** telah digunakan sepenuhnya atau apabila Tempoh Kempen tamat, yang mana terdahulu.
3. Ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan-i Rizq Plus Perujuk secara mingguan, tertakluk kepada ketersediaan data dan pengesahan bahawa semua syarat Kempen telah dipenuhi.
4. Seseorang Perujuk tidak layak menerima ganjaran bagi rujukan yang tidak lengkap, tidak sah, berganda, dibuat sebelum Tempoh Kempen atau tidak memenuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh Bank Rakyat.

G. Terma dan Syarat Am

1. Dengan menyertai kempen ini, pelabur atau pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my
2. Dengan menyertai kempen ini, pelabur atau pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
3. Dengan menyertai kempen ini, pelabur atau pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pelabur atau pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media untuk keluaran segera atau yang

4. Malainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan. Pelabur atau pelanggan adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.
5. Bank Rakyat boleh menolak atau membatalkan sebarang permohonan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, dimanipulasi atau tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.
6. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELABUR ATAU PELANGGAN ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TELADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELABUR ATAU PELANGGAN TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
8. Terma dan syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.



Bank Pilihan Anda

9. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.